

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Rabu, 26 April 2017 4:50 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Dr. Che Mohd Aziz bin Yaacob
Subject: INASIS SIME DARBY ONLINE: BAKTI SISWA (BAKSIS): IKATAN KASIH TAUTAN HATI



26 APRIL 2017, RABU | 29 REJAB 1438H



Oleh: Noor Zulaikha Sumardi

INASIS SIME DARBY ONLINE: Seramai 38 orang pelajar dari Inasis Sime Darby, Universiti Utara Malaysia telah menyertai Bakti Siswa (Baksis): Ikatan Kasih Tautan Hati 2017 bertempat di Kampung Kuala Jerlun, Jerlun, Kedah yang diadakan pada 1 April hingga 03 April yang lalu.

Program ini dijalankan dengan tujuan dapat merapatkan hubungan silaturrahim bersama penduduk kampung di samping berbakti kepada mereka.

Program Bakti Siswa yang dijalankan selama 3 hari 2 malam ini dirasmikan oleh pegawai khas merangkap wakil ahli parlimen Jerlun, Encik Izhar Azimat. Dalam ucapannya, beliau berharap agar semua mahasiswa dapat menyelami kehidupan nelayan dan menerima segala kemudahan yang ada di kampung tersebut.

Antara pengisian program yang berlangsung ialah sesi penyerahan anak angkat, pemberian sumbangan kepada keluarga yang kurang berkemampuan, beramah mesra bersama penduduk kampung, gotong-royong mengecat surau, gotong-royong memasak dan pemeriksaan kesihatan oleh Pejabat Kesihatan Kubang Pasu.

Program *teambuilding* pula melibatkan aktiviti sukaneka yang disertai oleh kanak-kanak di kampung tersebut dan sesi Latihan Dalam Kumpulan (LDK) bersama pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Jerlun turut diadakan.

Seterusnya, malam kebudayaan diadakan pada malam terakhir yang disertai oleh penduduk kampung dengan pelbagai persembahan menarik seperti sketsa, tarian dan nyanyian, serta cabutan bertuah turut disediakan.

Para mahasiswa turut dibawa menaiki bot oleh para nelayan untuk merasai suasana berada di laut biru.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH

Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

